

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan memberikan bantuan khas kepada bekas pesakit COVID-19 yang tidak dapat meneruskan pekerjaan seperti biasa atau hilang upaya kekal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO telah menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 yang menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada pencarum dan orang tanggungannya melalui Skim Bencana Kerja dan Skim Keilatan.

Pencarum PERKESO yang dijangkiti COVID-19 **akibat/terbit dari aktiviti pekerjaan** mereka adalah layak dilindungi di bawah Skim Bencana Kerja yang menyediakan faedah berikut:

- i. Faedah Hilang Upaya Sementara
- ii. Faedah Hilang Upaya Kekal
- iii. Kemudahan Pemulihan Jasmani
- iv. Faedah Orang Tanggungan
- v. Faedah Pengurusan Mayat

Manakala, bagi pencarum PERKESO yang dijangkiti COVID-19 **bukan berpunca** dari pekerjaannya dan telah menyebabkan keuzuran yang berkekalan dan tidak berupaya bekerja semula termasuk menyebabkan kematian, perlindungan disediakan di bawah Skim Keilatan yang meliputi faedah berikut:

- i. Pencen Ilat
- ii. Bantuan Ilat
- iii. Kemudahan Pemulihan Jasmani
- iv. Pencen Penakat
- v. Faedah Pengurusan Mayat